



## SIARAN MEDIA

### KPKT HARGAI PERKONGSIAN IDEA RAKYAT MALAYSIA DI UK

---

**LONDON, 2 OKTOBER 2023** - YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dalam rangka Lawatan Kerja Rasmi mengenai Perumahan di London telah menghadiri satu sesi perkongsian dengan komuniti diaspora Malaysia di London malam tadi anjuran Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini. Sesi perjumpaan yang diadakan di Malaysia Hall, London bertujuan untuk berkongsi aspirasi kerajaan perpaduan secara am dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara khusus bagi membangunkan dan memperhebatkan Malaysia.

Dalam ucapan beliau, YB Tuan Nga Kor Ming menjelaskan hasrat KPKT bersama agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang turut serta dalam sesi kali ini dengan objektif untuk membina hubungan baik dengan United Kingdom (UK) dalam bidang perumahan, pemulihan bandar, pembangunan komuniti dan inisiatif pemuliharaan selari dengan Garis Panduan Pembaharuan semula Bandar yang telah dilancarkan bulan lepas.

Pengetahuan yang diperolehi daripada lawatan ini semestinya akan menyumbang kepada dasar yang lebih kukuh dan pelaksanaan yang lebih baik dalam usaha pembaharuan semula bandar (*Urban Redevelopment*), penjanaan semula bandar (*Urban Regeneration*), penyegaran semula bandar (*Urban Revitalisation*), dan usaha pemuliharaan bandar (*Urban Conservation*) di Malaysia.

Pada sesi perkongsian ini, YB Menteri juga menekankan pentingnya keterlibatan diaspora Malaysia dalam misi pembangunan negara Kerajaan Perpaduan. Beliau mengajak komuniti di luar negara untuk terus berhubung dengan Malaysia dan menyokong usaha-usaha transformasi yang sedang dijalankan oleh kerajaan perpaduan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

YB Tuan Nga Kor Ming berkata, "Kami menghargai sumbangan diaspora Malaysia dalam bentuk kepakaran, pengalaman, dan juga sokongan moral. Anda adalah aset penting negara untuk membina Malaysia yang lebih baik."

"Sumbangan idea dan pendapat rakyat Malaysia di London amat dihargai kerana mereka juga menzahirkan semangat yang tinggi untuk melihat Malaysia terus membangun setaraf dengan negara-negara maju", tambah beliau lagi.

Sesi dialog ini turut melibatkan perbincangan antara YB Menteri dan komuniti diaspora, yang memberi peluang untuk bertukar pendapat dan mencari kerjasama dalam program-program pembangunan yang akan datang.

KPKT berharap kerjasama erat dengan diaspora Malaysia di pelbagai negara akan terus berkembang, dan semangat kesetiaan kepada Malaysia akan terus diterjemahkan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

YB Menteri juga menggesa rakyat Malaysia yang bekerja di negara asing pulang ke tanahair untuk mengambil peluang turut memberi sumbangan kepada kebangkitan negara supaya mengembalikan kegembilangan kepada tanahair demi pertiwi. Turut hadir Puan Siti A'liah Mansor, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi kedutaan Malaysia dan pegawai-pegawai agensi negara yang beroperasi di UK, London.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

